**BAHASA MELAYU**
**Kertas 1**
**Ogos/ September**

---

**JANGAN BUKA KERTAS INI SEHINGGA DIBERITAHU**

# SKEMA JAWAPAN
# BAHASA MELAYU KERTAS 1
# 1103/1

---

Kertas soalan ini mengandungi 8 halaman bercetak dan 1 halaman tidak bercetak.

**Bahagian A: Karangan Berdasarkan Bahan Rangsangan**
**[30 markah]**

## KRITERIA PENSKORAN

| PERINGKAT | MARKAH | KRITERIA |
|---|---|---|
| Cemerlang | 26 – 30<br><br>(28 – 30)<br>Atas<br><br>(26 – 27)<br>bawah |  Karangan **menepati** tema bahan rangsangan.<br> Bahasa gramatis dari segi kata dan ayat. Penggunaan tanda baca betul dan tepat. Ejaan mengikut Sistem Ejaan Rumi Baru. Penggunaan kosa kata luas dan **tepat.**<br> Wacananya lengkap. Unsur bahasa yang digunakan bervariasi dan menggunakan **ungkapan yang menarik** (peribahasa, slogan, kata-kata ucapan)<br> Idea relevan dengan tema bahan rangsangan dan dihuraikan dengan jelas dan **matang.** |
| **Kepujian** | 20 – 25<br><br>(23 – 25)<br>atas<br><br>(20 – 22)<br>bawah |  Karangan **menepati** tema bahan rangsangan.<br> Bahasa gramatis dari segi kata dan ayat. Tanda baca betul dan tepat. Ejaan mengikut Sistem Ejaan Rumi. Penggunaan kosa kata **luas.**<br> Wacananya lengkap. Unsur bahasa yang digunakan bervariasi.<br> Idea relevan dengan tema bahan rangsangan dan dihuraikan dengan **jelas.** |
| **Memuaskan** | 15 – 19<br>atas<br>(17 – 19)<br>(15 – 16)<br>bawah |  Karangan masih menepati tema bahan rangsangan.<br> Bahasa masih gramatis dari segi kata dan ayat. Penggunaan tanda baca masih betul dan tepat. Ejaan masih mengikut Sistem Ejaan Rumi Baru. Penggunaan kosa kata umum.<br> Wacananya masih lengkap. Unsur bahasa masih bervariasi.<br>Idea masih relevandengan tema bahan rangsangan. Huraian idea masih jelas. |
| **Kurang memuaskan** | 10 – 14<br><br>(12 – 14)<br>atas<br><br>(10 – 11)<br>Bawah |  Karangan kurang menepati tema bahan rangsangan.<br> Bahasa kurang gramatis dari segi kata dan ayat. Kesalahan-kesalahan tatabahasa ketara. Ejaan masih mengikut Sistem Ejaan Rumi Baru tetapi terdapat kesalahan ejaan yang ketara. Penggunaan kosa kata terhad.<br> Wacana kurang lengkap. Unsur bahasa kurang bervariasi.<br>Idea kurang relevan dengan tema bahan rangsangan dan huraiannya kurang jelas. |
| **Pencapaian Minimun** | 01 – 09<br>atas<br>(06 – 09)<br>(01 –05)<br>bawah |  Calon tidak menunjukkan penguasaan kemahiran menulis.<br> Banyak kesalahan bahasa dari segi kata dan ayat.<br> Idea tidak menepati tema bahan rangsangan. |

**Bahagian A: Karangan Berpandukan Bahan Rangsangan**
**[30 markah]**

**SOALAN BAHAGIAN A**

*Huraikan pendapat anda tentang* **kelebihan membeli-belah di pasar raya..**

**TUGASAN :** Calon dapat **menghurai tentang** Kelebihan membeli-belah di pasar raya

CADANGAN JAWAPAN :

1. Pilihan barangan yang banyak
2. Pelbagai kemudahan
3. Harga barangan yang murah

Ungkapan menarik

- Alah membeli menang memakai
- Rambang mata

**Bahagian B: Karangan Respons Terbuka**
**[100 markah]**

**PERINCIAN PEMARKAHAN**

**Cara Pemeriksaan**

1. Pemeriksaan dijalankan secara holistik berpandukan peringkat dan kriteria yang ditetapkan.
2. Jika karangan:
a. Kurang daripada 350 perkataan, periksa seperti biasa
b. Terlalu panjang – periksa seperti biasa hingga ke akhir karangan

3. **Kesalahan format** hendaklah ditolak **maksimum 2 markah**.
4. **Kesalahan ejaan** hendaklah ditolak ½ markah dan pemotongan **maksimum 3 markah.** Tiada pemotongan markah bagi kesalahan ejaan yang berulang**.**
5. Cara menanda kesalahan isi, ejaan dan tanda baca:

| | |
|---|---|
| **( )** | **=** Kesalahan isi |
| ______ | **=** Kesalahan bahasa, rangkai kata dan perkataan |
| **/** | **=** Kesalahan ejaan dan huruf besar (nama khas) |
| **//** | **=** Kesalahan ejaan yang berulang |
| ○ | **=** Kesalahan tanda baca |

| KRITERIA KRITERIA | DESKRIPSI |
| --- | --- |
| **1. BAHASA**<br>(Mekanis) |  Kegramatisan – kata (morfologi) ,- ayat (sintaksis)<br> Tanda baca<br> Ejaan |
| **2. LARAS** (Dinamis) |  Pemilihan kosa kata |
| **3. IDEA (ISI)** |  Tema<br> Isi utama<br> Pengembangan (huraian/ bahasa/hujahan/ contoh)<br> Kerelevanan |
| **4. PENGOLAHAN** |  Wacana<br> Logik<br> Pemerengganan<br> Format |
| **5. GAYA BAHASA** |  Keindahan bahasa<br> Ungkapan<br> Peribahasa |

## KRITERIA PENSKORAN

| PERINGKAT | MARKAH | KRITERIA |
| --- | --- | --- |
| **CEMERLANG** | **80 – 100**<br>(90 – 100)<br>(80 – 89) |  Penggunaan **pelbagai jenis kata** yang luas dan tepat.<br> Penggunaan **pelbagai ayat majmuk** yang gramatis.<br> **Ejaan** dan **tanda baca** betul<br> Laras bahasa sesuai dengan tugasan<br> Penggunaan **kosa kata** luas dan tepat<br> **Idea relevan** mengikut tugasan, dihuraikan dengan jelas dan matang, disertakan dengan contoh yang sesuai<br>**Pengolahan** menarik dan berkesan serta pemerengganan sesuai.<br> **Wacana** lengkap dan terdapat kesinambungan idea yang jelas antara perenggan.<br> Penggunaan **unsur bahasa bervariasi**<br> **Gaya bahasa** menarik dari segi keindahan bahasa dan penggunaan ungkapan seperti peribahasa, pantun, cogan kata atau frasa. |
| **KEPUJIAN** | **66 – 79**<br>(73 – 79)<br>(66 – 72) |  Penggunaan **pelbagai jenis kata** yang tepat.<br> Penggunaan **pelbagai ayat majmuk** yang gramatis tetapi terdapat **kesalahan yang minimum**<br> **Ejaan** dan **tanda baca** betul<br> **Laras bahasa** sesuai dengan tugasan.<br> Penggunaan **kosa kata** luas dan tepat<br> **Idea relevan** mengikut tugasan, dihuraikan dengan jelas, diserta dengan contoh yang sesuai.<br>**Pengolahan** menarik dan berkesan serta pemerengganan sesuai.<br> **Wacana** lengkap dan terdapat kesinambungan idea yang jelas antara perenggan.<br> Penggunaan **unsur bahasa masih** bervariasi.<br> **Gaya bahasa masih** menarik dari segi keindahan bahasa dan penggunaan ungkapan seperti peribahasa, pantun, cogan kata atau frasa. |

| | | |
|---|---|---|
| **BAIK** | **51 - 65**<br>**(58 – 65)**<br>**(51 – 57)** | • Penggunaan pelbagai jenis kata sesuai.<br>• Penggunaan ayat majmuk gramatis tetapi terdapat kesalahan yang minimum.<br>• Ejaan dan tanda baca masih betul.<br>• Laras bahasa sesuai mengikut tugasan.<br>• Penggunaan kosa kata umum.<br>• Idea masih relevan mengikut tugasan, huraian isi masih jelas dan contoh masih sesuai.<br>• Pengolahan masih menarik, dan pemerengganan masih sesuai.<br>• Wacana masih lengkap<br>• Penggunaan unsur bahasa masih bervariasi.<br>• Gaya bahasa kurang menarik dari segi keindahan bahasa dan penggunaan ungkapan kurang berkesan. |
| **MEMUASKAN** | **36 – 50**<br>**(43 – 50)**<br>**(36 – 42)** | • Penggunaan pelbagai jenis kata terhad.<br>• Ayat kurang gramatis.<br>• Ejaan dan tanda baca betul tetapi terdapat kesalahan yang minimum.<br>• Laras bahasa kurang sesuai.<br>• Penggunaan kosa kata umum dan terhad.<br>• Idea masih relevan mengikut tugasan, huraian isi kurang jelas dan contoh kurang sesuai.<br>• Pengolahan kurang menarik, pemerengganan kurang sesuai.<br>• Wacana masih / kurang lengkap<br>• Penggunaan unsur bahasa kurang bervariasi.<br>• Gaya bahasa kurang menarik dari segi keindahan bahasa dan penggunaan ungkapan kurang berkesan. |
| **KURANG MEMUASKAN** | **21 – 35**<br>**(28 – 35)**<br>**(21 – 27)** | • Penggunaan kata kurang tepat.<br>• Ayat tidak gramatis tetapi masih difahami.<br>• Terdapat kesalahan ejaan dan tanda baca yang ketara.<br>• Idea masih relevan / idea bercampur aduk dan huraian tidak jelas / tidak berkembang dan contoh tidak sesuai.<br>• Pengolahan tidak menarik.<br>• Wacana tidak lengkap dan binaan perenggan tidak seimbang.<br>• Unsur bahasa tidak bervariasi.<br>• Gaya bahasa dari segi keindahan bahasa dan penggunaan ungkapan lemah. |
| **PENCAPAIAN MINIMUM** | **01 – 20**<br>**(11 – 20)**<br>**(01 – 10)** | • Keseluruhan menunjukkan penggunaan kata dan ayat yang tidak gramatis.<br>• Kesalahan ejaan dan tanda baca yang ketara.<br>• Idea bercampur aduk dan huraian tidak jelas/ tidak berkembang dan contoh tidak sesuai.<br>• Pengolahan tidak menarik.<br>• Wacana tidak lengkap dan binaan perenggan tidak seimbang dan tidak sesuai.<br>• Gaya bahasa dari segi keindahan bahasa dan penggunaan ungkapan lemah serta tidak menarik.<br>• Keseluruhan karangan sukar / tidak difahami. |

**Bahagian B**

**Soalan 1**

Setiap murid ingin belajar di sebuah sekolah yang baik dan cemerlang.
Huraikan ciri-ciri sekolah yang menjadi idaman anda.

**TUGASAN :** Calon dapat menghurai tentang ciri-ciri sekolah idaman.

Format : Tiada

Cadangan isi :

1. Mempunyai guru yang bertanggungjawab dan komited
2. Disiplin yang baik
3. Persekitaran yang bersih dan ceria
4. Kemudahan fizikal yang lengkap
5. Mempunyai ciri-ciri keselamatan

Ungkapan menarik :

1. Mencegah lebih baik daripada mengubati
2. Yang tua dihormati yang muda disayangi
3. Kebersihan sebahagian daripada iman

**Soalan 2 :**

Ahli keluarga memainkan peranan yang sangat penting untuk mengeratkan hubungan kekeluargaan.

Bincangkan.

TUGASAN : Cara-cara mengeratkan hubungan kekeluargaan

Format : Tiada

Cadangan isi :

1. Mencurahkan kasih sayang yang secukupnya terhadap anak.
2. Mewujudkan iklim yang kondisif dalam rumah tangga
3. Mengadakan aktiviti kekeluargaan dari semasa ke semasa
4. Memberikan didikan agama yang secukupnya
5. Berakhlak mulia sesama ahli keluarga

Ungkapan menarik :

1. Ke bukit sama didaki, ke lurah sama dituruni
2. Bersatu kita teguh, bercerai kita roboh.
3. Rumahku syurgaku
4. Muafakat membawa berkat
5. Melentur buluh biarlah dari rebungnya

**Soalan 3**

Penjagaan dan pemuliharaan bangunan lama menguntungkan negara. Sehubungan dengan itu, anda ingin menulis rencana untuk dimuatkan dalam majalah sekolah. Tajuk rencana tersebut ialah 'Kepentingan menjaga dan memulihara bangunan lama'.

Tulis rencana itu selengkapnya.

TUGASAN : Calon dapat menulis tentang kepentingan penjagaan dan pemuliharaan bangunan lama kepada negara.

Format : Rencana
Tiada tajuk : tolak 1 m
Tiada nama penulis : 1 m

Cadangan isi :

1. Dapat dijadikan bukti kukuh tentang peristiwa sejarah yang berlaku.
2. Memberikan teladan dan iktibar kepada masyarakat
3. Sebagai tarikan pelancong
4. Memupuk semangat patriotik dalam kalangan remaja
5. Menekalkan keunikan seni bina
6. Sumber maklumat sejarah.

Ungkapan menarik :

1. Tak lapuk dek hujan tak lekang dek panas
2. Tak kenal maka tak cinta

Soalan 4

Keamanan sejagat merupakan tanggungjawab global. Namun begitu sudah menjadi lumrah di dunia bahawa konflik antara negara di dunia pasti berlaku.

Jelaskan cara-cara untuk menyelesaikan konflik antara negara di dunia.

TUGASAN : Calon dapat menjelaskan cara –cara menyelesaikan konflik antara negara di dunia.

Cadangan isi :

1. Para pemimpin memilih cara rundingan apabila timbul masalah
2. Menjalin hubungan diplomatik
3. Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu memainkan peranan dan tanggungjawab
4. Kuasa-kuasa besar dunia memberikan layanan yang adil kepada semua negara
5. Menghormati kedaulatan negara-negara lain

Ungkapan menarik :

1. Bagai enau dalam belukar melepaskan pucuk masing-masing
2. Gajah sama gajah berjuang, pelanduk mati di tengah-tengah
3. Menang menjadi arang, kalah menjadi abu.
4. Buang yang keruh ambil yang jernih
5. Menarik rambut di dalam tepung, rambut tak putus, tepung tak berselerak.
6. Bagai aur dengan tebing.

Soalan 5

Minat muri- murid sekolah terhadap karya sastera seperti novel,cerpen,puisi dan drama semakin berkurangan.

Bincangkan peranan pihak sekolah untuk memupuk minat murid terhadap karya sastera.

TUGASAN : Calon dapat menulis tentang peranan pihak sekolah memupuk minat murid terhadap karya sastera.

Cadangan isi :

1. Menganjurkan penulisan karya sastera
2. Mengadakan kempen membaca bahan sastera secara berterusan
3. Menerapkan minat membaca bahan sastera semasa PdP
4. Menganjurkan minggu sastera
5. Memperbanyak buku-buku sastera di perpustakaan sekolah
6. Menggalakkan setiap kelas mewujudkan sudut atau ruang membaca

Ungkapan menarik :

1. Melentur buluh biarlah dari rebungnya
2. Biar berputih tulang jangan berputih mata
3. Tidak hilang dek zaman, tidak lapuk dek masa